

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI
PENGURUSI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA LEMBAGA LEBUHRAYA
MALAYSIA (LLM) & PROSIGNAL CONSORTIUM SDN BHD
(PCSB)**

**PADA 26 MEI 2022
HOTEL LE MERIDIEN PUTRAJAYA**

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA,

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. FADHLULLAH SUHAIMI
PENGERUSI SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAM MULTIMEDIA
MALAYSIA

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD AZRUL FAUZI BAHARON
PENGARAH URUSAN
SYARIKAT PROSIGNAL CONSORTIUM SDN BHD

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD EDZREEN MOHD DIN
PENGERUSI EKSEKUTIF SYARIKAT PROSIGNAL CONSORTIUM SDN
BHD ,

YANG BERBAHAGIA DATUK/DATO'/TUAN AHLI LEMBAGA
PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATUK ZAKARIAN BIN AHMAD ZABIDI
PRESIDEN PERSATUAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA
MALAYSIA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

RAKAN-RAKAN MEDIA, DAN PARA JEMPUTAN YANG DIKASIHI SEKALIAN.

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN LIMPAH IZINANNYA, DAPATLAH SAMA-SAMA KITA DI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) & PROSIGNAL CONSORTIUM SDN BHD (PCSB) HARI INI.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, KERJASAMA LLM DENGAN PROSIGNAL CONSORTIUM SDN BHD (PCSB) INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBANGUNKAN SISTEM PENGURUSAN LEBUHRAYA PINTAR BERKONSEPKAN SMART HIGHWAY.

SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK ATAS KERJASAMA INI DAN SAYA YAKIN DENGAN PENYATUAN KEPAKARAN YANG DIMILIKI PELBAGAI PIHAK, USAHA INI AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA KELUARGA MALAYSIA KHUSUSNYA PENGGUNA LEBUH RAYA.

HADIRIN SEKALIAN,

KERJASAMA INI MERUPAKAN SALAH SATU LANGKAH PELAN STRATEGIK BISNES LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (2021-2025)

DALAM PEMERKASAAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (IR 4.0) DAN PENDIGITALAN ASPEK PEMANTUAN OPERASI LEBUH RAYA.

PERKARA INI MEMBABITKAN PELAKSANAAN IDEA PENDIGITALAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, PROSIDUR KERJA DI DALAM PEMANTUAN OPERASI LEBUH RAYA DAN MEWUJUDKAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN REKABENTUK YANG BERINOVASI.

KONSEP SMART HIGHWAY YANG DIBANGUNKAN OLEH PIHAK SYARIKAT PROSIGNAL CONSORTIUM SDN BHD MELIPUTI APLIKASI TELEFON PINTAR DAN JUGA SISTEM PENGURUSAN LEBUH RAYA PINTAR.

SUKA SAYA MAKLUMKAN DI SINI, APLIKASI YANG BAKAL DIBANGUNKAN INI ADALAH YANG PERTAMA DI MALAYSIA DIMANA IANYA BERFUNGSI UNTUK MENYALURKAN INFORMASI TRAFIK MELIPUTI SELURUH LEBUH RAYA KEPADA PENGGUNA SECARA “REAL TIME” DALAM SATU APLIKASI.

MANFAAT 8 DALAM 1 (APA 8 MANFAAT ITU?), APLIKASI INI JUGA MEMPUNYAI KEMUDAHAN E-WALLET UNTUK KEGUNAAN PARA PELANGGAN SELAIN MEMPUNYAI CIRI PERKONGSIAN KENDERAAN (CAR POOL) UNTUK ORANG RAMAI.

SEPERTI YANG KITA KETAHUI, HARI RAYA AIDILFITRI KALI INI SANGAT MERIAH LEBIH-LEBIH LAGI SELEPAS NEGARA MEMASUKI FASA ENDEMIK.

PASTINYA BAGI MEMASTIKAN SISTEM PENGURUSAN LEBUH RAYA YANG LEBIH KOMPREHENSIF, SISTEM PENGGUNAAN TEKNOLOGI INTERNET OF THING (IOT) DALAM PEMANTAUAN PEMBINAAN, OPERASI DAN PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA PINTAR WAJAR DIBANGUNKAN.

KERJASAMA INI BAKAL MEMBERI IMPAK TINGGI KEPADA PENGGUNA DALAM MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG PANTAS DAN TEPAT BERKAITAN LEBUH RAYA MELALUI APLIKASI INI. INI BERMAKNA, SEKIRANYA BERLAKU SEBARANG KESESAKAN ATAU KEMALANGAN, PENGGUNA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH AWAL DAN MENGGUNAKAN JALAN ALTERNATIF UNTUK MEMASTIKAN PERJALANAN KE DESTINASI DITUJU LANCAR.

JUSTERU, SAYA YAKIN DENGAN TEKNOLOGI INI, KEMALANGAN DAN KESESAKAN DI LEBUH RAYA AKAN DAPAT DIATASI LEBIH-LEBIH LAGI PADA WAKTU MUSIM PERAYAAN.

SELAIN ITU, PENDIGITALAN OPERASI DAN PUSAT DATA SERTA PENYERAGAMAN SISTEM PENGURUSAN LEBUH RAYA AKAN MEMUDAHKAN PIHAK LLM DALAM MENYALURKAN MAKLUMAT KEPADA PENGGUNA.

MALAH, SISTEM INI JUGA BAKAL MELESTARIKAN KEWANGAN DENGAN MEMPELBAGAIKAN SUMBER PENDAPATAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) SELAIN DARIPADA SUMBER SEDIA ADA. (FAKTA INI ADAKAH BETUL?)

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN SYABAS DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN KERJASAMA INI. SEMOGA MAJLIS PADA HARI INI AKAN MENJADI PENANDA ARAS BAHARU KEPADA KEDUA BELAH PIHAK UNTUK TERUS BEKERJASAMA DALAM MEMACU PENINGKATAN PRESTASI SERTA MENINGKATKAN TEKNOLOGI *SMART HIGHWAY* SETERUSNYA DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA DI MALAYSIA.

SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH,

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

TERIMA KASIH.